

26/10/2001

Pembangkok digesa henti perdebatan negara Islam

BEBERAPA penyokong kerajaan menggesa pembangkang supaya menghentikan serta-merta perdebatan mengenai isu negara Islam, yang dianggap hanya untuk tujuan kepentingan politik mereka semata-mata.

Sebaliknya, beberapa ahli Parlimen dari Barisan Nasional (BN) meminta pembangkang supaya memikirkan usaha untuk meningkatkan pembangunan negara, terutama dalam menghadapi kelembapan ekonomi dunia.

Ketika membahaskan Belanjawan 2002, Datuk Ir Mohd Zin Mohamed (BN-Shah Alam) berkata, dari segi logiknya, Malaysia memang dilihat sebagai negara Islam kerana penduduknya terdiri daripada 60 peratus masyarakat Islam.

"Malah, raja dan pemimpin kita juga adalah Islam. Ketua kerajaan dan ketua pembangkang, juga adalah Islam. Jadi, apa lagi yang perlu kita debatkan secara terbuka (mengenai sama ada Malaysia negara Islam atau tidak)?" katanya di Dewan Rakyat semalam.

Sebelum itu, Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) ketika membahaskan perkara yang sama mengulangi pendirian DAP yang tidak bersetuju dengan deklarasi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa negara ini sebuah negara Islam.

Mohd Zin berkata, rakyat negara ini perlu mengambil iktibar dari masyarakat Islam lain di dunia yang hidup merempat, tanpa mendapat pembelaan sewajarnya dari negara sendiri, walaupun negara itu adalah sebuah negara Islam.

(END)